

23 APR 2001

MAHATHIR-RMK8 (KRISIS)

KRISIS KEWANGAN BUKTIKAN RAKYAT TAK BOLEH BERPELUK TUBUH

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kesan daripada krisis kewangan serantau telah membuktikan bahawa rakyat tidak boleh berpeluk tubuh dalam mengharungi era globalisasi.

"Walaupun kita telah membuat persediaan, krisis kewangan yang melanda rantau ini telah memberi kesan secara langsung kepada kita dan menyebabkan ekonomi negara mengalami kelembapan.

"Kita sekali lagi diingatkan bahawa landasan pembangunan tidak sentiasa stabil malahan mengalami naik turun dan kita tidak boleh berpeluk tubuh," kata Perdana Menteri ketika membentangkan usul Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Katanya, langkah pemulihan ekonomi yang diperkenalkan pada tahun 1998 telah meningkatkan penggunaan di samping membendung tekanan inflasi.

Di samping itu kadar pengangguran terus kekal pada paras yang rendah kira-kira 3.0 peratus manakala Indeks Harga Pengguna (IHP) turun kepada 1.6 peratus pada tahun 2000.

Langkah pemulihan ekonomi juga mewujudkan persekitaran yang stabil bagi sektor perbankan dan korporat melaksanakan program penyusunan semula dan penggabungan.

"Pelbagai agensi yang ditubuhkan bagi menguruskan pinjaman tidak berbayar (NPL), pemodalan semula bank dan penyusunan semula hutang korporat telah berjaya memperkukuhkan kedudukan sektor perbankan dan korporat serta membantu mereka memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi yang lebih produktif," katanya.

Beliau berkata kejayaan dalam pemulihan ekonomi dicapai hasil daripada keputusan Kerajaan untuk tidak meminjam dari IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa), yang mana dengan membuat pinjaman akan meletakkan negara di bawah telunjuk agensi itu.

"Sebaliknya kita telah mencipta pendekatan kita sendiri iaitu dengan menghalang penyangak matawang daripada memperdagangkan Ringgit dan mengawal modal spekulasi daripada menyerang Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Dengan cara ini kita tidak menanggung hutang besar kepada IMF seperti yang dipikul oleh negara lain.

"Walaupun kita telah berjaya memulihkan ekonomi dengan cara kita sendiri, tetapi untuk merangsangkan pemulihan ini Kerajaan terpaksa melaksanakan dasar pengembangan fiskal dengan meningkat dan mempercepatkan perbelanjaan Kerajaan untuk projek infrastruktur dan juga memberi bonus kepada kakitangan Kerajaan untuk memajukan penjualan runcit," katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan ini berjaya mengurangkan kesan kegawatan ke atas kemiskinan dan terhadap penyusunan semula masyarakat.

Mengimbas kembali Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) (1996-2000), beliau berkata rancangan tersebut memberi penekanan semula kepada konsep pembangunan seimbang serta memperkenalkan strategi pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti bagi meningkatkan daya tahan negara untuk menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21.

"Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi dalam tempoh RMK-7 adalah membanggakan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar mencatat pertumbuhan purata 4.7 peratus setahun, melepasi sasaran yang dikaji semula sebanyak 3.0 peratus," Tambah Dr Mahathir.

--BERNAMA

MAD ZK OS

